

## BAB KEEMPAT

### PEMBENTUKAN STRUKTUR ASAS AYAT BAHASA ARAB

#### 4.0 Pendahuluan

Dalam pembentukan struktur ayat bahasa Arab, terdapat asas-asas penting yang mempengaruhi pembentukan tersebut. Pola ayat dalam bahasa Arab pada dasarnya terbahagi kepada dua, iaitu ayat al-Jumlat al-Ismiyyat ( الجُمْلَةُ الاسْمِيَّةُ ) atau *Ayat Nominal (Ayat Namaan)* dan ayat al-Jumlat al-Fi'liyyat ( الجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ ) atau *ayat Verbal (Ayat Kerjaan)*. Kebanyakan huruf akhir bahasa Arab mengalami perubahan akhir pada sesuatu perkataan apabila berada dalam sesuatu ungkapan untuk menerima tanda kasus. Perubahan ini berlaku mengikut kedudukan dan kaitannya dengan rangkaian kata lain di dalam sesuatu ayat.

#### 4.1 Penggolongan Kata Dalam Bahasa Arab

Perkataan di dalam bahasa Arab terbahagi kepada tiga, iaitu al-ism (الاسْمُ)/kata nama, al-fi'l (الفِعْلُ)/kata kerja dan al-harf (الحَرْفُ)/partikel. (Ibn Hisha:m 1997a:11; Mustafa: Ghalla:yi:ni 1987:1:9; Antoine Dahdah 1981:4).

Al-ism (الاسْمُ) ialah *perkataan yang menunjukkan kepada nama manusia, tempat dan sebagainya* (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:20). Al-fi'l (الفِعْلُ)

pula ialah *perkataan yang menunjukkan sesuatu peristiwa yang disertai dengan masa tertentu* (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:133), manakala al-harf (الْحَرْفُ) pula ialah *morfem yang tidak dapat difahami tanpa dihubungkan dengan kata nama atau kata kerja* (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:90).

#### 4.1.1 Al-Ism (الاسم) / Kata Nama

Di dalam bahasa Arab, al-Ism atau Kata Nama ini dibahagikan kepada dua, iatu ism al-nakirat (النَكْرَةُ) / Kata nama Am dan ism al-ma'rifat (المَعْرِفَةُ) / Kata nama Khas.

Ism al-ma'rifat (المَعْرِفَةُ) / Kata nama Khas pula dibahagikan kepada :

a- Al-dhamir (الضَّمِيرُ) / Kata ganti nama menurut (Ibn 'Aqi:l t.th:1:97-98) terdiri

daripada :

i- Ganti diri pertama : أَنَا / نَحْنُ

ii- Ganti diri kedua : أَنْتَ / أَنْتِ / أَنْتُمْ / أَنْتُنَّ

iii- Ganti diri ketiga : هُوَ / هِيَ / هُمَا / هُمْ / هُنَّ

- b- Al-‘Alam (العَلَمُ) iaitu nama yang menunjukkan makna khusus tanpa memerlukan tanda tertentu ( Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:124) seperti : عُمَرُ / زَيْنَبُ .
- c- Al-Isyarat (الإِشَارَةُ)/Kata Tunjuk iaitu kata nama yang menunjukkan sesuatu (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:20), seperti : هَذَا/هَذِهِ/هَذَانِ/هَذَانِ ...
- d- Al-Mawsu:l(المَوْصُولُ)/Kata Penyambung iaitu Kata nama Khas yang memerlukan keterangan selepasnya (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:26), seperti : ... الَّذِي / الَّتِي / التَّانِ / الَّذِينَ .
- e- Kata nama yang bersambung dengan (الْ) iaitu kata nama yang didahului oleh (الْ) yang memberikannya makna khusus (Mustafa: Ghalla:yi:ni 1987:1:147), seperti : الكِتَابُ / القَلَمُ .
- f- Kata nama Am yang disandarkan kepada Kata nama Khas (المُضَافُ إِلَى المَعْرِفَةِ) iaitu Kata nama Am dicantumkan kepada Kata nama Khas. Seperti : سَيَّارَةُ المَعْلَمِ / عُرْفَةُ الإِدَارَةِ .

g- Muna:da Nakirat Maqsu:dat (مُنَادَى نَكْرَةً مَقْصُودَةً) iaitu Kata nama Am yang dikhususkan dengan seruan, seperti : يَا مُعَلِّمٌ.

Manakala kata nama di dalam bahasa Arab dari aspek Kata nama Pecahan (اشتقاق)

pula terbahagi kepada lapan bahagian, iaitu :

- a. Al-Masdar (المصدر)/Kata Nama al-Masdar iaitu kata nama yang menunjukkan kepada proses perbuatan tanpa diiringi oleh aspek masa (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:160), seperti : جُلُوسٌ / اجْتِهَادٌ.
- b. Ism al-Fa:'il (اسمُ الفاعِلِ)/Kata Nama Pelaku iaitu kata nama yang menunjukkan pelaku sesuatu perbuatan mengikut pola-pola tertentu (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:22), seperti : جَالِسٌ / كَاتِبٌ.
- c. Ism al-Maf'u:l (اسمُ المَفْعُولِ)/Kata Nama Yang Diperlaku iaitu kata nama yang menunjukkan sesuatu perbuatan telah dikenakan kepada subjek (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:25), seperti : مَسْمُوحٌ / مَجْمُوعٌ.
- d. Al-Sifat al-Mushabbahat (الصِّفَةُ المُشَبَّهَةُ) iaitu sifat yang diterbitkan daripada kata kerja tak transitif untuk menunjukkan makna yang dilakukan oleh al-mawsu:f (yang disifatkan dengan sifat tersebut) secara tetap, seperti : جَوِيلٌ.

- e. Al-Tafdhi:l (التَّفْضِيلُ) iaitu sifat yang digunakan untuk membandingkan dua perkara yang bersangkutan, yang salah satunya lebih daripada yang satu lagi, seperti : زَيْدٌ أَكْرَمٌ مِنْ سَعَادٍ.
- f. Ism al-Za:man (الزَّمَانُ)/Kata nama Masa dan Ism al-Maka:n (المَكَانُ)/Kata Nama Tempat iaitu kata nama yang diambil daripada (الفِعْلُ) bagi menunjukkan makna masa dan juga tempat dengan menggunakan pola tertentu. (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:25),, seperti : مَطْلَعٌ / مَكْتَبٌ.
- g. Ism al-Ālat (الأَلَةُ)/Kata Nama Alat iaitu kata nama yang menunjukkan alat (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:20), seperti : مِفْتَاحٌ / مِضْرَبٌ.

#### 4.1.2 Al-Fi'l (الفِعْلُ) /Kata Kerja

Al-Fi'l di dalam bahasa Arab terbahagi kepada tiga iaitu al-Madhi: (المَاضِي) /Kata kerja Lalu, al-Mudha:ri' (المُضَارِعُ) /Kata kerja Kala Kini dan al-Amr (الأَمْرُ) /Kata kerja Imperatif (Ibn Hisha:m 1997a:22).

Al-Madhi ( المَاضِي )/Kata kerja Lalu menunjukkan *peristiwa lalu*, seperti : كَتَبَ , manakala al-Mudha:ri' ( المُضَارِعُ )/Kata kerja Kala Kini pula menunjukkan peristiwa yang *sedang atau akan berlaku*, seperti : يَكْتُبُ , dan al-Amr ( الأَمْرُ )/Kata kerja Imperatif pula adalah kata kerja yang *meminta* sesuatu perbuatan itu dilakukan (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:133), seperti : اجْلِسْ .

Apabila dilihat dari *aspek pengekalan dan pengguguran* al-fa:'il ( الفَاعِلُ )/pelaku, kata kerja bahasa Arab dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu :

- a. Al-Ma'lu:m ( المَعْلُومُ )/Kata kerja Aktif iaitu kata kerja yang *disertai oleh pelaku*, sama ada secara zahir/nyata ataupun andaian, seperti : نَجَحَ الطَّالِبُ .
- b. Al-Majhu:l ( المَجْهُولُ )/Kata kerja Pasif iaitu kata kerja yang *tidak disebutkan pelakunya*, hanya disebutkan penggantinya ( نَائِبُهُ ), sama ada zahir/nyata ataupun andaian, seperti : كُتِبَ الدَّرْسُ .

Manakala dari *aspek kewujudan* maf'u:l bihi ( مَفْعُولٌ بِهِ )/objek pula, kata kerja bahasa Arab membahagikannya kepada dua, iaitu :

- a. Al-Muta'addiyy (الْمُتَعَدِّي) / Kata kerja Transitif iaitu kata kerja yang memerlukan objek untuk melengkapi sesuatu ayat, seperti : قَبَضَ الشُّرْطِيُّ اللَّصَّ.
- b. Al-La:zim (اللَّازِم) / Kata kerja Tak Transitif iaitu kata kerja yang tidak memerlukan objek untuk melengkapi sesuatu ayat, seperti : فَرِحَ مُوسَى.

Berkaitan dengan pembahagian al-fi'l (الفعل) / kata kerja ini, penulis akan menerangkan dengan lebih lanjut lagi di dalam asas pembinaan struktur ayat bahasa Arab di dalam bab yang akan datang.

#### 4.1.3 Al-Harf (الحرف) / Partikel Sendi

Al-Harf (الحرف) / Partikel Sendi ialah kata sendi yang digunakan sebagai penyambung antara dua perkataan atau antara dua ayat. Al-Harf di dalam bahasa Arab boleh dibahagikan kepada tiga bahagian dari fungsinya kepada kata nama dan kata kerja, iaitu :

- a. Berfungsi untuk kata nama sahaja, iaitu :

حَرْفُ الْجَرِّ، حَرْفُ النَّدَاءِ، حَرْفُ الاستِثْنَاءِ، إِنَّ وَأَخَوَاتُهَا ، وَأُو المَعِيَّةِ

- b. Berfungsi untuk kata kerja sahaja, iaitu :

حَرْفُ النَّصْبِ، حَرْفُ الْجَزْمِ، قَدْ ، السِّينُ، سَوْفَ

c. Berfungsi untuk kata nama dan kata kerja, iaitu :

حَرْفُ الْعَطْفِ، الهمزةُ، هلْ ، وَأَوْ الْحَالِ ، لَأَمْ الْقَسَمِ، مَا وَلَا

Penulis tidak menerangkan secara terperinci berkaitan dengan teknik pemakaian setiap partikel sendi yang disebut di atas. Ia dibincangkan di dalam kajian tertentu yang berkaitan khusus tentang teknik penggunaan dan makna yang tersirat di dalam partikel sendi itu sendiri.

Daripada keterangan di atas, dapatlah kita ketahui bahawa di dalam pembentukan struktur ayat bahasa Arab memerlukan gabungan dari pelbagai aspek, termasuklah kata nama, kata kerja dan partikel yang digabungkan bersama di dalam sesuatu ayat. Setelah itu, sesuatu ayat itu perlulah diimbangi dengan ciri-ciri dan unsur-unsur yang telah diterangkan di atas untuk menjadikan ayat itu lengkap dan sampai maksudnya ketika pengucapan atau pengujaran dilakukan.

## 4.2 Ciri-ciri Asas Ayat Bahasa Arab

Untuk membina asas pola ayat yang betul, maka terlebih dahulu mengenali dan menguasai beberapa ciri asas berkaitan dengan pembentukan dan pembinaan struktur ayat bahasa Arab. Antara ciri tersebut ialah :

### 4.2.1 Al-Nau' (النوع)/Genus

Genus di dalam bahasa Arab secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu genus al-haki:ki:yy (الحَقِيقِيُّ) dan genus al-maja:zi:yy (المَجَازِيُّ)/nahuan. Genus hakiki



adalah perkataan-perkataan yang mempunyai lelaki/jantan (maskulin) atau perempuan/betina (feminin) secara hakiki atau realiti, seperti ibu, bapa, pelajar lelaki, pelajar perempuan, ayam betina, lembu jantan dan sebagainya.

Genus nahuan pula ialah perkataan-perkataan yang dari sudut hakikinya tidak mempunyai lelaki/jantan atau perempuan/betina, tetapi hanya dianggap sebagai jantan atau betina dari sudut perkataan dan nahu sahaja berdasarkan tanda-tanda tertentu.

Tanda yang paling utama dalam sesuatu perkataan itu betina atau perempuan ialah apabila diakhiri dengan huruf ta' marbu:taṭ (ة) atau berbunyi "at" apabila dibarismatikan,

seperti:

Contoh :

Perkataan	Makna
المَدْرَسَةُ : al-madrasat	Sekolah
المَكْتَبَةُ : al-maktabat	Perpustakaan
الإِدَارَةُ : al-ida:rat	Pejabat

Walaupun begitu, terdapat perkataan-perkataan yang tidak diakhiri dengan ta' marbu:taṭ, tetapi dianggap juga sebagai perempuan/betina dan dinamakan muannath maja:zi:yy (مُؤَنَّثٌ مَجَازِيٌّ) seperti (الشَّمْسُ). Ada juga perkataan yang diakhiri dengan ta'

marbu:taṭ, tetapi maknanya tetap lelaki/jantan hakiki. Ini dinamakan sebagai muannath lafziyy (مُؤَنَّثٌ لَفْظِيٌّ) seperti (حَمْرَةٌ/طَلْحَةٌ) iaitu nama bagi seorang lelaki.

Manakala perkataan yang tidak diakhiri dengan huruf ta' marbu:taṭ, maka ia dianggap lelaki/jantan seperti (الْقَلَمُ / الْكِتَابُ / الْبَيْتُ) dan sebagainya.

#### 4.2.2 Al-'Adad (الْعَدَدُ)/Bilangan

Perkataan di dalam bahasa Arab dari sudut bilangan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu : al-mufrad (المُفْرَدُ)/tunggal, al-muthanna (المُتَنَنِّي)/dual dan al-jama' (الْجَمْعُ)/banyak.

Dalam bentuk al-muthanna (المُتَنَنِّي), ia dibentuk dengan menambahkan “انِ” atau “ينِ” kepada kata al-mufrad, seperti : المُسْلِمَانِ / المُسْلِمَيْنِ dari kata tunggalnya المُسْلِمُ.

Al- jamu'/banyak pula terbentuk dalam tiga bentuk, iaitu :

- a. Sekiranya diakhiri dengan “ونَ” atau “ينَ”, ia dinamakan jamu' al-muzakkar al-sa:lim

(جَمْعُ الْمَذَكَّرِ السَّلَامِ) seperti : الفَلَّاحُونَ / الفَلَّاحِينَ – petani-petani lelaki.

- b. Sekiranya sesuatu perkataan itu diakhiri dengan “اتُ” ia dinamakan sebagai jamu' al-

muannath al-sa:lim (جَمْعُ الْمُؤَنَّثِ السَّلَامِ) seperti : المُعَلِّمَاتُ – guru-guru perempuan.

- c. Sekiranya tidak diakhiri dengan dua ciri di atas dan berlakunya perubahan dalaman kepada kata al-mufrad (المُفْرَدُ), ia dinamakan jama' al-taksi:r (جَمْعُ التَّكْسِيرِ) seperti :

الزُّمَلَاءُ / الطُّلَّابُ – pelajar-pelajar lelaki/kawan-kawan lelaki, yang asal perkataan tunggalnya adalah الطَّالِبُ/الزَّمِيلُ.

#### 4.2.3 Al –Nakiraṭ Dan al-Ma'rifaṭ (النَّكِرَةُ وَالْمَعْرِفَةُ)/Am Dan Khas

Di dalam pembentukan struktur ayat bahasa Arab, perkataannya tidak akan terlepas dari penggunaan kata nama yang berbentuk am dan khas. Al-nakiraṭ atau indinifit (النَّكِرَةُ) diertikan sebagai perkataan yang menunjukkan kepada sesuatu yang tidak tertentu, seperti : كِتَابٌ / قَلَمٌ dan sebagainya.

Manakala al-ma'rifaṭ (المَعْرِفَةُ)/Kata Nama Khas pula dikenali sebagai perkataan yang menunjukkan kepada yang tertentu seperti : زَيْدٌ / السَّيَّارَةُ / الْمَرْسَمُ dan sebagainya. Kata nama Khas bahasa Arab ini juga mempunyai enam jenis seperti berikut ( al-Syed Ahmad al-Hashi:mi:1354H:77 ):

- Al-dhami:r (الضَّمِيرُ)/Ganti Nama, seperti : .. أَنْتَ / نَحْنُ / أَنَا
- Al-isyar:raṭ (الإِشَارَةُ)/Kata Petunjuk, seperti : .. هَذَا ، هَذِهِ ، ذَلِكَ ، تِلْكَ ..

- c. Al-mawsu:l(المَوْصُولُ)/Kata Penghubung/Relatif, seperti : .. الَّذَانِ ، الَّتِي ، الَّذِي
- d. Setiap kata nama yang bercantum dengan ال , seperti : الْكِتَابُ، الْكُرْسِيُّ
- e. Ism al-'alam (اسْمُ الْعَلَمِ)/Kata nama Khas Sesuatu, seperti : زَيْدٌ، فَاطِمَةٌ : إِبْرَاهِيمُ
- f. Al-nakirat (النَّكِرَةُ)/Kata Nama Am yang disandarkan kepada al-ma'rifat (المَعْرِفَةُ)/Kata Nama Khas seperti : غُرْفَةُ الْمُعَلِّمِينَ، بَيْتُ الطَّلَبَةِ

#### 4.2.4 Al-'Ira:b (الإِعْرَابُ) /Infleksi

Salah satu ciri dalam pembinaan struktur bahasa Arab ialah al-'ira:b (الإِعْرَابُ) yang bermaksud perubahan pada akhir kata, sama ada secara lafaz (الَلْفَظِيُّ) atau taqdir (التَّقْدِيرِيُّ), akibat dari perubahan tugas atau keadaan dalam sesuatu ayat dari sudut tatabahasa. Ia berlawanan dengan al-bina: (Imi:l Yaqu:b 1986a:84).

Bahasa Arab itu sendiri terpelihara dengan adanya ciri tersebut. Hampir semua ahli tatabahasa Arab berpendapat bahasa baris al-'ira:b (الإِعْرَابُ) menjadi petunjuk kepada makna-makna yang berbeza, yang terkandung dalam kata nama seperti makna pelaku, objek, persandaran (al-ida:fat) dan sebagainya.

Tanda kasus al-‘ira:b dalam pembinaan struktur bahasa Arab terbagi kepada empat, yaitu:

### 1. Al-Raf‘u (الرَّفْعُ)/Nominatif

Ia berlaku ke atas al-ism (الاسْمُ) dan al-fi‘l al-mudha:r‘i (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ)/Kata kerja Kala Kini (Ibn Hisha:m 1997a:35; Imi:l Yaqu:b 1986a:86). Ia merupakan salah satu tanda kasus yang terdapat pada setiap kata nama tunggal dan Kata kerja Kala Kini yang asalnya dibaca dengan baris hadapan pada akhir perkataannya (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:83), seperti : الْكِتَابُ / يَكْتُبُ.

### 2. Al-Nasb (النَّصْبُ)/Akusatif

Ia berlaku ke atas al-ism (الاسْمُ) dan juga al-fi‘l al-mudha:r‘i (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ)/Kata kerja Kala Kini (Ibn Hisha:m 1997a:35; Imi:l Yaqu:b 1986a:86) yang merupakan salah satu tanda kasus yang terdapat pada kata nama tunggal dan kata kerja yang asalnya dibaca dengan baris atas pada huruf akhirnya (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:83), seperti : قَرَأْتُ الْكِتَابَ / يُرِيدُ أَنْ يَنْصُرَ.

### 3. Al-Jarr (الجُرُّ)/Genetif

Ia hanya berlaku pada al-ism (الاسْمُ) sahaja (Ibn Hisha:m 1997a:35; Imi:l Yaqu:b 1986a:86) yang merupakan salah satu kasus yang terdapat pada kata nama yang huruf akhirnya pada asalnya berbaris bawah (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:83), seperti : فِي الْجَامِعَةِ .

### 4. Al-Jazm (الجَزْمُ)/Jusif

Ia hanya berlaku ke atas al-fi'l al-mudha:r'i (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ)/Kata kerja Kala Kini sahaja (Ibn Hisha:m 1997a:35; Imi:l Yaqu:b 1986a:86) yang merupakan salah satu kasus pada kata kerja kala kini/depan (Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab 1996:83), seperti : لَمْ يَلِدْ :

#### 4.2.5 Al-Zama:n (الزَّمانُ)/Masa

Di dalam pembinaan struktur bahasa Arab, aspek *masa* amat dititikberatkan. Ia adalah berkaitan dengan sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh pelaku. Di dalam bahasa Arab, masa dikaitkan dengan kata kerja yang dilakukan. Ia terbahagi kepada tiga, iaitu ( Mustafa: Ghalla:yi:ni 1987:1:33) :

- a. Fi'lu al-Ma:dhi: (فِعْلُ الْمَاضِي)/ Kata kerja Lalu/lepas, seperti : جَلَسَ - *telah duduk*

- b. Al-Fi'lu al-Mudha:r'i (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) / Kata kerja kini/sekarang, seperti : يَجْلِسُ –  
*sedang duduk*
- c. Fi'lu al-Amr (فِعْلُ الْأَمْرِ) / Kata kerja imperatif seperti : اجْلِسْ – *duduklah (kamu) !*

Walau bagaimanapun, apa yang disebutkan di atas hanyalah pada asalnya sahaja, kerana masa juga boleh difahami dengan petanda-petanda yang lain, seperti (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) menunjukkan *masa kini atau akan datang*, akan tetapi apabila didahului partikel (لَمْ), maka ia akan memberikan makna kepada *masa lampau*.

Begitu juga dengan (فِعْلُ الْمَاضِي) yang memberi maksud perbuatan yang *telah lampau/berlalu*, namun apabila didahului dengan partikel (إِذَا), maka akan memberi makna *masa akan datang*. Contoh : إِذَا فَتَحَ – memberi maksud “apabila dia membuka” yang menunjukkan *masa akan datang*.

#### 4.2.6 Keserasian

Unsur *keserasian* ini amat dititilberatkan di dalam pembinaan struktur bahasa Arab, sama ada dari aspek *gender, bilangan, Kata nama Am atau Khas dan al-'ira:b (الإِعْرَابُ)*. Ini kerana sekiranya tiada penjagaan di dalam pembinaan ayat bahasa Arab dari aspek tersebut, ia akan mengakibatkan sesuatu ayat itu akan salah dan tidak sempurna maknanya.

Sebagainya contohnya, keserasian yang berlaku di antara Mubtada' dan khabar dari aspek gendernya hendaklah dipastikan betul, seperti :

Contoh	Makna
1- المَدْرَسَةُ جَمِيلَةٌ (صَحِيحٌ)	<i>Sekolah itu cantik ( betul )</i>
2- المَدْرَسَةُ جَمِيلٌ (خَطَأٌ)	<i>Sekolah itu cantik ( salah )</i>
3- المَدْرَسَتَانِ جَمِيلَتَانِ (صَحِيحٌ)	<i>Dua buah sekolah itu cantik kedua-duanya (betul)</i>
4- المَدْرَسَتَانِ جَمِيلَةٌ (خَطَأٌ)	<i>Dua buah sekolah itu cantik kedua-duanya ( salah )</i>

Dalam contoh pertama (1), keserasian gender berlaku antara Mubtada' (المَدْرَسَةُ) dan khabar (جَمِيلَةٌ) iaitu kedua-duanya berbentuk feminin . Dalam contoh (2) pula tiada keserasian berlaku kerana mubtada'nya (المَدْرَسَةُ) berbentuk feminin, tetapi khabarnya (جَمِيلٌ) pula berbentuk maskulin.

Manakala dalam contoh (3), keserasian bilangan juga berlaku antara mubtada' (المَدْرَسَتَانِ) dan khabar (جَمِيلَتَانِ) yang kedua-dua berkeadaan dual (المُتَنَّى). Bagi contoh (4), ketidakserasian berlaku antara mubtada' (المَدْرَسَتَانِ) dan juga khabarnya (جَمِيلَةٌ). Oleh itu,



keserasian di antara muftada' dan khabar dari sudut *gender* dan *bilangan* menjadi kemestian dalam bahasa Arab (Muhammad 'Aliyy Ridha: t.th:240; Fu`a:d Ni'mah t.th:30).

Berikut adalah beberapa contoh yang *salah* kerana tiada keserasian ataupun ketidaksesuaian dari aspek-aspek di atas :

Contoh	Catatan
المُعَلِّمُ عَالِمَةٌ	Ayat ini salah kerana tiada keserasian dari aspek genus, di mana perkataan pertama (المُعَلِّمُ) adalah maskulin, manakala perkataan kedua (عَالِمَةٌ) adalah feminin dengan diakhiri huruf ta` marbu`tat_ (ة).
المُعَلِّمُ عَالِمًا	Ayat ini juga salah dari segi infleksi atau 'irab, dimana Muftada'nya (المُعَلِّمُ) berbentuk nominatif manakala khabarnya (عَالِمًا) akusatif (التَّصْبُتُ).
المُعَلِّمَانِ عَالِمٌ	Kesalahan ayat ini adalah kerana ketidakserasian dari segi bilangan Muftada' (المُعَلِّمَانِ) berbanding dengan khabar (عَالِمٌ). Muftada' di dalam keadaan dual (المُتَشَنِّ) manakala khabarnya tunggal (المُفْرَدُ).
مُعَلِّمٌ الْعَالِمُ	Di dalam ayat ini ketidakserasian berlaku dari sudut am dan khas, di mana Muftada' (مُعَلِّمٌ) hendaklah dalam keadaan al-ma'rifaṭ (المَعْرِفَةُ)/khas manakala khabar (الْعَالِمُ) hendaklah dalam al-nakiraṭ (النَّكِرَةُ)/am.

Oleh itu, perlu diketahui bahawa di dalam pembinaan ayat bahasa Arab terdapat keadaan-keadaan yang mesti disesuaikan antara dua perkataan tertentu dari aspek yang berkaitan, iaitu infleksi (الإعراب), bilangan, gender/genus serta am dan khas.

### **4.3 Pembentukan Struktur Asas Ayat Bahasa Arab**

#### **4.3.0 Pendahuluan**

Setelah kita didedahkan dengan ciri-ciri yang perlu ada di dalam pembentukan struktur ayat bahasa Arab, maka di sini penulis akan menerangkan rentetan dari ciri-ciri di atas untuk digabungkan menjadi satu susunan ayat yang lengkap dan memberikan maksud yang tertentu.

Menurut al-Raji:hi:yy (1988:77), ayat merupakan bidang kajian yang luas di dalam ilmu nahu, kerana ia merupakan sub-bidang yang mengkaji perihal perkataan-perkataan dari segi hubungkaitnya di antara satu sama lain, sehingga perkataan-perkataan yang diadunkan di dalam struktur ayat itu menerbitkan makna yang sesuai dengan konteks ilmu nahu ( المعنى )

(التَّحْوِيَّ

#### **4.3.1 Asas Ayat Bahasa Arab**

‘Abba:s Hassa:n (1995) mendefinisikan ayat sebagai *sesuatu yang diolah dari dua atau lebih patah perkataan dan memiliki makna yang tersendiri dan difahami*. Ini bermakna ayat boleh diertikan sebagai *susunan dua perkataan atau lebih yang boleh menyampaikan*

*makna yang sempurna dan tepat.* Susunan atau struktur ini dan makna (konteks) merupakan dua ciri utama di dalam sesuatu ayat, seperti :

Contoh	Makna
جَاءَ طَالِبٌ	Seorang pelajar telah datang
نَصَرَ زَيْدٌ الضَّعِيفَ	Zaid telah menolong orang susah

Al-Jumlat al-Asliyyat (الْجُمْلَةُ الْأَصْلِيَّةُ)/Ayat Teras atau ayat Asas dikenali juga dengan *ayat Selapis* di dalam bahasa Melayu. Ayat jenis ini hanya terhad kepada dua rukun ayat sahaja semata, iaitu terdiri daripada Benda ( الْمُسْتَدُّ إِلَيْهِ ) dan juga Cerita ( الْمُسْتَدُّ ) atau dikenali juga sebagai al-Mubtada' atau subjek dan al-khabar atau predikat.

Menurut al-Maidaniyy (1996 jld 1:140), Benda juga dinamakan sebagai mahku:m 'alaiyh ( مَحْكُومٌ عَلَيْهِ ) dan Cerita pula sebagai mahku:m bihi ( مَحْكُومٌ بِهِ ).

Contoh :

Ayat	Benda/al-Mubtada'/subjek	Cerita/al-khabar/predikat	Makna
الْبَدْرُ مُنِيرٌ	الْبَدْرُ	مُنِيرٌ	Bulan itu bercahaya

Berdasarkan contoh di atas, (الْبَدْرُ) adalah subjek atau mubtada' yang memerlukan pelengkap, yaitu (مُنِيرٌ) sebagai predikat atau khabarnya.

### 4.3.2 Struktur Asas Binaan Ayat Bahasa Arab

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, ayat terbahagi kepada dua jenis iaitu al-Jumlat al-Ismiyyat ( الجُمْلَةُ الاسْمِيَّةُ )/Ayat Nominal (Namaan) dan juga al-Jumlat al-Fi'liyyat ( الجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ )/Ayat Verbal (Kerjaan). Berikut akan diterangkan mengenai pembentukan struktur al-Jumlat al-Fi'liyyat ( الجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ ) dalam bahasa Arab terlebih dahulu yang terbentuk daripada gabungan beberapa aspek.

#### 4.3.2.1 Pembentukan Struktur al-Jumlat al-Fi'liyyat ( الجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ )/Ayat Verbal

Berikut adalah bentuk-bentuk binaan dalam struktur ayat bahasa Arab yang dimulai dengan al-fi'l atau kata kerja :

a- **Kata kerja (الفِعْلُ) + Pelaku/pembuat(الْفَاعِلُ)**

Contoh :

Kata kerja	Pelaku	Makna
نَزَلَ	الثلجُ	Salji telah turun

Di dalam contoh di atas, kata kerjanya adalah terdiri jenis Kata kerja Tak Transitif (اللازمُ الفِعْلُ) yang hanya memerlukan dua unsur sahaja, iaitu Kata kerja dan pelaku/pembuat.

Perkataan (نَزَلَ) hanya memerlukan satu sahaja pelaku (الْفَاعِلُ) untuk melengkapkan makna dan maksud ayat di atas. Kata kerja ini tidak memerlukan sebarang objek (الْمَفْعُولُ بِهِ) untuk melengkapkannya.

Oleh yang demikian, kata kerja ini memadai dengan kehadiran unsur “perbuatan” (الْحَدَثُ/الْفِعْلُ) dan “pelaku” (الْفَاعِلُ) sahaja, dan tidak memerlukan “jangkauan” fungsi maknanya kepada objek tertentu.

**b- Kata kerja (الفِعْلُ) + pelaku/pembuat (الْفَاعِلُ) + objek (الْمَفْعُولُ بِهِ)**

Contoh :

Kata kerja	Pelaku	Objek	Makna
كَتَبَ	التِّلْمِيذُ	الدَّرْسَ	Pelajar itu telah menulis <u>pelajaran tersebut</u>

Di dalam contoh di atas, kata kerja tersebut adalah terdiri daripada jenis Kata kerja Transitif (الْفِعْلُ الْمُتَعَدِّيُّ), yang memerlukan kepada tiga unsur makna sahaja untuk

melengkapkan sesuatu ayat. Ia terdiri daripada kata kerja (كَتَبَ), pelaku/pembuat (التَّالِمِيذُ) dan juga objek (الدَّرْسَ).

Kata kerja Transitif juga hanya terdiri daripada perkataan-perkataan tertentu sahaja, iaitu perkataan yang hanya memerlukan *satu objek sahaja* sebagai pelengkap. Ini adalah kerana terdapat Kata kerja Transitif yang mempunyai *dua hingga tiga objek* di dalam sesuatu binaan ayat.

Objek (المَفْعُولُ بِهِ) merupakan sesuatu yang menerima kesan daripada sesuatu proses yang berlaku. Tanpa kewujudannya menyebabkan Kata kerja Transitif tidak mungkin berlaku dan ayat tersebut dianggap tidak sempurna dan tergantung.

**c- Kata kerja (الفِعْلُ) + pelaku (الفَاعِلُ) + objek 1 + objek 2**

Contoh :

Kata kerja	Pelaku	Objek 1	Objek 2	Makna
أَعْطَى	الغَنِيِّ	المَسْكِينِ	التُّقُودَ	Orang kaya itu telah memberikan <u>orang miskin itu duit</u>
وَجَدَ	الطَّالِبُ	العِلْمَ	نَافِعًا	Pelajar itu mendapati <u>ilmu itu bermanfaat</u>

Dalam contoh di atas, kata kerjanya adalah terdiri daripada Kata kerja Transitif (الفِعْلُ المتَعَدِّيُّ) kerana ia memerlukan objek, bahkan lebih dari satu. Ayat di atas terdiri daripada empat unsur makna, iaitu kata kerja (أَعْطَى / وَجَدَ), pelaku/pembuat (الْعَنِيُّ / الطَّالِبُ), objek pertama (الْمُسْكِينُ / الْعِلْمُ), iaitu orang yang menerima pemberian dan objek kedua (التَّقْوَدُ / نَافِعًا) - iaitu benda yang diberi. Ia berbeza dari komponen kedua yang memerlukan satu objek sahaja.

Kata kerja Transitif jenis ini hanya beberapa perkataan sahaja, antaranya adalah seperti (ظَنَّ وَأَخَوَاتُهَا، كَسَا، سَأَلَ، أَطْعَمَ، سَقَى، عَلَّمَ ...). Kata kerja Transitif ini juga terbentuk dari kata kerja Tak Transitif dengan penambahan (أ) dan yang seumpamanya daripada penambahan yang berlaku, sebagaimana contoh penambahan pada awal perkataannya seperti (نَزَلَ - أَنْزَلَ) dan memberikan maksud yang lain seperti (تُرُنَّ - نَزَلَ) kepada (menurunkan - أَنْزَلَ).

Jika kedua-dua objek tersebut **bukan** daripada susunan Benda (subjek/mubtada') dan Cerita (predikat/khabar), maka objek pertama itu (الْمُسْكِينُ) adalah sebagai “penerima” dan objek kedua pula (التَّقْوَدُ) sebagai “apa yang diterima”. Dalam kedudukan ini “Objek Penerima” hendaklah disusun mendahului “Objek Apa Yang Diterima” sebagaimana di dalam ayat pertama.

Manakala kata kerja yang kedua-dua objeknya berasal daripada Benda (subjek/ mubtada') dan Cerita (predikat/ khabar), maka objek Benda hendaklah disusun sebagai "Objek Pertama" iaitu (العِلْمُ) dan objek Cerita disusun sebagai "Objek Kedua" iaitu (نَافِعًا) sebagaimana di dalam ayat yang kedua.

d- **Kata kerja (الفِعْلُ) + pelaku (الْفَاعِلُ) + objek 1 + objek 2 + objek 3**

Contoh :

Kata kerja	Pelaku	Objek 1	Objek 2	Objek 3	Makna
أَبَّأَ	أَحْمَدُ	الطَّالِبَ	التَّجَاحَ	مُحَقَّقًا	Ahmad memberitahu <u>pelajar itu sesuatu</u> <u>kejayaan itu adalah benar</u>

Dalam contoh di atas, kata kerjanya juga adalah terdiri daripada Kata kerja Transitif (الفِعْلُ الْمُتَعَدِّيُّ) kerana ia memerlukan objek, bahkan terdapat 2 objek atau lebih. Ayat di atas terdiri daripada lima unsur makna iaitu kata kerja (أَبَّأَ), pelaku/pembuat (أَحْمَدُ), objek 1 (الطَّالِبَ) - iaitu *orang yang diberitahukan*, objek 2 (التَّجَاحَ) - iaitu *apa-apa yang diberitahukan* dan objek 3 (مُحَقَّقًا) - iaitu *bagaimana benda tersebut diberitahukan*. Ia berbeza dari contoh



komponan kedua (contoh b) dan ketiga (contoh c) yang memerlukan satu dan dua objek sahaja.

Kata kerja Transitif jenis ini hanya terdapat beberapa perkataan sahaja, antaranya adalah seperti (أَرَى، أَعْلَمَ، حَدَّثَ، تَبَّأَ، أَتَبَّأَ، خَبَّرَ، أَخْبَرَ). Di dalam bentuk kata kerja yang mempunyai tiga objek, kebiasaannya Objek Pertama (الطَّالِبُ) adalah Objek Sebenar, manakala Objek Kedua (التَّجَاحُ) dan Ketiga (مُحَقِّقًا) mestilah berasal daripada Benda (subjek/mubtada') dan Cerita (predikat/khabar). Dalam kedudukan ini, Objek Sebenar hendaklah berada mendahului kedua-dua Objek Benda dan Objek Cerita.

e- Kata kerja (الفِعْلُ) + pengganti pelaku/pembuat(الْفَاعِلُ)

Contoh:

Kata kerja	Pelaku	Objek	Makna
كَتَبَ	أَحْمَدُ	الدَّرْسَ	Ahmad <i>telah menulis</i> pelajaran itu (ayat aktif)
كُتِبَ	-	الدَّرْسُ	Pelajaran itu <i>telah ditulis</i> ( ayat pasif)

Na:ib al-fa:'il ( نَائِبُ الْفَاعِلِ ) atau Pengganti pelaku ( الدَّرْسُ ) ialah “objek” yang dijadikan “rujukan” kepada sesuatu kata kerja setelah pelaku/pembuat ( أَحْمَدُ ) asalnya digugurkan, iaitu tidak disebut di dalam ayat berkenaan. Ia juga dikenali sebagai “gabungan kata kerja dengan pengganti pelaku” atau Ayat Pasif di dalam bahasa Melayu.

Dalam contoh di atas, terdapat dua contoh ayat yang berlainan, iaitu yang pertama adalah berbentuk ayat aktif dan yang keduanya berbentuk ayat pasif. Di dalam ayat aktif, kata kerjanya ( كَتَبَ ) adalah sebagai Cerita, manakala Pelakunya/pembuat ( أَحْمَدُ ) disebut sebagai Benda.

Jika Ayat Kerjaan itu menggunakan Kata kerja Pasif, maka kata kerja itu ( كُتِبَ ) adalah cerita dan benda ( الدَّرْسُ ) yang dirujuk oleh cerita tersebut dipanggil Pengganti Pelaku ( نَائِبُ الْفَاعِلِ ) yang diambil dari objek. Jika terdapat lebih dari satu objek, Pengganti Pelaku hendaklah dipilih daripada objek yang paling sesuai. Ini dapat dilihat di dalam contoh di bawah.

Kata kerja Pasif juga mengalami perubahan pada baris setiap hurufnya, iaitu dibariskan dengan al-dhammah ( الضَّمَّةُ ) pada awalnya dan al-kasrah ( الكَسْرَةُ ) pada pertengahannya, menjadi ( كُتِبَ ). Objek ( الدَّرْسُ ) yang diubah kepada Pengganti Pelaku akan menerima kesemua hukum ‘irab yang dikenakan untuk pelaku. Manakala objek-objek lain kekal dengan hukum dan dalam keadaan asal.

Contoh :

Ayat	Kata kerja	Pelaku	Pengganti pelaku	Obj.1	Obj. 2	Obj. 3
* يُؤَدِّي الْأَمَانَةَ Pemerintah itu <i>menunaikan</i> amanah	يُؤَدِّي	الْأَمِيرُ	-	الْأَمَانَةَ	-	-
** تُؤَدَّى الْأَمَانَةُ Amanah itu <i>ditunaikan</i>	تُؤَدَّى	-	الْأَمَانَةُ	-	-	-
* كَسَى أَحْمَدُ الْفَقِيرَ سِرْوَالًا Ahmad <i>memakaikan</i> orang fakir itu seluar	كَسَى	أَحْمَدُ	-	الْفَقِيرَ	سِرْوَالًا	-
** كَسِيَ الْفَقِيرُ سِرْوَالًا Orang fakir itu <i>dipakaikan</i> seluar	كَسِيَ	-	الْفَقِيرُ	سِرْوَالًا	-	-
* أَنْبَأَ الْمُعَلِّمُ الطَّالِبَ أَخَاهُ سَعِيدًا Guru itu <i>memberitahu</i> pelajar itu saudaranya bahagia	أَنْبَأَ	الْمُعَلِّمُ	-	الطَّالِبَ	أَخَاهُ	سَعِيدًا
** أَنْبِئِ الطَّالِبُ أَخَاهُ سَعِيدًا	أَنْبِئِ	-	الطَّالِبُ	أَخَاهُ	سَعِيدًا	-

Pelajar itu <i>diberitahu</i>						
saudaranya bahagia						

Al-Jumlat al-Fi'liyyat/Ayat Kerjaan yang bertanda ( \* ) adalah ayat kata kerja aktif, manakala yang bertanda (\*\*) pula menandakan ayat kata kerja pasif yang terdiri daripada satu, dua atau tiga objek.

#### 4.3.3.2 Pembentukan Struktur al-Jumlat al-Ismiyyat (الجملة الاسمية)/Ayat Nominal

Berikut pula akan diterangkan mengenai pembentukan struktur binaan al-Jumlat al-Ismiyyat (الجملة الاسمية)/Ayat Nominal di dalam bahasa Arab yang terbentuk daripada gabungan beberapa aspek seperti di bawah :

- a- **Kata nama/Frasa Subjek ( الاسم ) + Frasa Predikat - Khabar Tunggal ( الخبر المفرد )**

Gabungan antara kata nama dan khabar tunggal juga dikenali dengan nama al-Jumlat al-Ismiyyat (الجملة الاسمية) Ayat Namaan atau Ayat Nominal. Ayat Namaan ialah ayat yang dimulai dengan benda iaitu muftada' sebagai rujukan kepada cerita iaitu khabar yang berada selepasnya.

Benda dalam Ayat Namaan dinamakan subjek (المُبْتَدَأُ) dan cerita pula dinamakan sebagai predikat (الخَبْرُ). Kedua-duanya adalah merupakan struktur utama dalam pembinaan ayat tersebut.

Subjek (المُبْتَدَأُ) ialah rujukan (المَوْضُوعُ) kepada fakta (الحُكْمُ) yang ingin disampaikan dalam sesuatu ayat. Ia adalah sesuatu yang sudah dimaklumi di antara penutur dan pendengar atau di antara penulis dan pembaca. Subjek (المُبْتَدَأُ) ini boleh dihadirkan dalam dua bentuk, iaitu :

- i- Perkataan Tunggal : al-mufrad (المُفْرَدُ) atau
- ii- Bentuk Frasa : al-masdar al-muawwal (المَصْدَرُ الْمُؤَوَّلُ).

Mubtada' perkataan tunggal (المُفْرَدُ) ialah rujukan yang diungkap dalam satu perkataan sahaja dan tidak memerlukan apa-apa perubahan lagi. Manakala mubtada' frasa (المُبْتَدَأُ الْمُؤَوَّلُ) pula rujukan yang diungkap dalam bentuk *Kata Dasar Takwilan*. Bagaimanapun ia boleh ditukar kepada bentuk perkataan.

Manakala khabar (Penerang Ayat) pula ialah “Fakta” yang ingin dikaitkan dengan mubtada' dalam ayat. Di dalam binaan ayat ini, Khabar Perkataan/Tunggal (الخَبْرُ المُفْرَدُ )

ialah fakta yang diungkap dalam perkataan sahaja, sebagaimana muftada' perkataan/tunggal" (مبتدأ المفرد) sebelumnya.

Contoh :

Muftada'	Khabar Perkataan/Tunggal	Makna
الطَّالِبُ	نَاجِحٌ	<i>Pelajar lelaki itu Berjaya</i>
الطَّالِبَةُ	نَاجِحَةٌ	<i>Pelajar perempuan itu Berjaya</i>
الطَّالِبَانِ	نَاجِحَانِ	<i>Dua orang pelajar lelaki itu Berjaya</i>
الطَّالِبَاتِ	نَاجِحَاتِ	<i>Dua orang pelajar perempuan itu Berjaya</i>
الطَّالِبُونَ	نَاجِحُونَ	<i>Pelajar-pelajar lelaki itu Berjaya</i>
الطَّالِبَاتُ	نَاجِحَاتُ	<i>Pelajar-pelajar perempuan itu Berjaya</i>

Contoh di atas menunjukkan bahasa struktur bahasa Arab juga terbina dari ism atau kata nama yang dimulai di awal ayat. Ayat ini dinamakan al-Jumlat al-Ismiyyat (الجملة الاسمية)

(الجملة الاسمية) sebagaimana yang telah diterangkan di atas. Kata nama ( الطَّالِبُ ) adalah muftada'

yang merupakan Benda (المُسْتَدُّ إِلَيْهِ) atau subjek, manakala (نَاجِحٌ) pula adalah khabar tunggal yang berupa cerita (المُسْتَدُّ) atau predikat di dalam ayat tersebut.

Di dalam pembentukan ayat ini, kepentingan genus (الْجِنْسُ) dan bilangan (الْعَدَدُ) perlu dijaga. Setiap khabar atau predikat (الْخَبَرُ / الْمُسْتَدُّ) hendaklah mengikuti aspek genus yang berlaku di dalam muqtada' atau subjek (الْمُبْتَدَأُ / الْمُسْتَدُّ إِلَيْهِ). Sekiranya muqtada' tersebut maskulin (مُذَكَّرٌ), maka khabar juga hendaklah maskulin. Begitu juga halnya sekiranya muqtada' feminin (مُؤَنَّثٌ), maka khabarnya pun feminin.

Manakala dari sudut bilangan (الْعَدَدُ) pula, khabar atau cerita juga perlulah mengikuti perubahan di dalam muqtada'. Ketika muqtada' dalam keadaan tunggal (الْمُفْرَدُ), maka khabar juga dalam keadaan tunggal. Begitu juga sekiranya dalam keadaan dual (الْمُتَنِّي) dan ramai (الْجَمْعُ), maka khabar juga hendaklah sama bilangannya dengan muqtada'.

Huruf terakhir dalam perkataan muqtada' dan khabar tunggal hendaklah dibaca dengan keadaan al-marfu' (Nominatif), iaitu dengan baris al-dhammah (الضَّمَّةُ) untuk bilangan tunggal dan bilangan ramai bagi perempuan (جَمْعُ الْمُؤَنَّثِ السَّالِمِ), huruf al-alif (الْأَلِفُ) untuk

dual (المُتَنَّى) dan huruf al-wa:w (الْوَاوُ) untuk bilangan ramai bagi lelaki ( جَمْعُ الْمَذْكَرِ السَّالِمِ )

sebagaimana contoh di atas.

b- **Kata nama/Frasa Subjek (الاسْمُ) + Frasa Predikat - Khabar al-Jumlat al-**

**Fi'li:yyat (خَيْرُ الْجُمْلَةِ الْفِعْلِيَّةِ)/Ayat Kerjaan**

Dalam pembentukan ayat ini, khabar al-Jumlat al-Fi'li:yyat (خَيْرُ الْجُمْلَةِ الْفِعْلِيَّةِ) atau

Ayat Verbal digunakan untuk menyatakan sesuatu fakta dalam bentuk *perbuatan atau tindakan yang benar-benar berlaku (bukan ramalan atau agakan) secara kerap atau berulang kali* ( ada kaitan masa ) berdasarkan penanda-penanda wacana tertentu.

Contoh :

Mubtada'	Khabar Ayat Kerjaan	Makna
الطَّالِبُ	يَنْجَحُ (فِي دَرْسِهِ)	Pelajar lelaki itu <i>berjaya di dalam pelajarannya</i>
الطَّالِبَةُ	تَنْجَحُ (فِي دَرْسِهَا)	Pelajar perempuan itu <i>berjaya di dalam pelajarannya</i>
الطَّالِبَانِ	يَنْجَحَانِ (فِي دَرْسِهِمَا)	Dua orang pelajar lelaki itu <i>berjaya di dalam pelajaran mereka</i>



الطَّالِبَاتِ	تَنْجَحَانِ (فِي دَرَسِهِمَا)	Dua orang pelajar perempuan itu berjaya di dalam pelajaran mereka
الطَّالِبُونَ	يَنْجَحُونَ (فِي دَرَسِهِمْ)	Pelajar-pelajar lelaki itu berjaya di dalam pelajaran mereka
الطَّالِبَاتُ	يَنْجَحْنَ (فِي دَرَسِهِنَّ)	Pelajar-pelajar perempuan itu berjaya di dalam pelajaran mereka

Dalam contoh di atas, semua ayat dimulakan dengan mubtada' yang dikenali sebagai Ayat Namaan ( الجُمْلَةُ الاسْمِيَّةُ ). Kata nama ( الطَّالِبُ/ةٌ، الطَّالِبَانِ/تَانِ، الطَّالِبُونَ/َاتُ ) yang terdiri daripada genus maskulin dan feminin adalah mubtada' yang merupakan benda (المُسْتَدُّ إِلَيْهِ), manakala ( يَنْجَحُ/انِ، تَنْجَحُ/انِ، يَنْجَحُونَ، يَنْجَحْنَ ) pula adalah khabar yang berbentuk kata kerja yang berupa cerita (المُسْتَدُّ) di dalam ayat tersebut.

Di dalam pembentukan Ayat Namaan di atas, faktor kepentingan genus (الجِنْسُ) dan bilangan(العَدَدُ) hendaklah dijaga. Setiap khabar (الخَبَرُ/المُسْتَدُّ) hendaklah mengikuti aspek genus yang berlaku di dalam mubtada' (المُبْتَدَأُ/المُسْتَدُّ إِلَيْهِ). Sekiranya mubtada' tersebut maskulin (مُذَكَّرٌ), maka khabar juga hendaklah maskulin. Begitu juga halnya sekiranya mubtada' feminin (مُؤَنَّثٌ), maka khabarnya pun feminin.

Manakala dari sudut bilangan (الْعَدَدُ) pula, khabar yang terdiri daripada kata kerja juga perlulah mengikuti perubahan di dalam muftada'. Ketika muftada' dalam keadaan tunggal, maka khabar juga dalam keadaan tunggal. Begitu juga sekiranya dalam keadaan dual (يَنْجِحَانِ / تَنْجِحَانِ) dan ramai atau jama' (يَنْجِحُونَ / يَنْجِحْنَ), maka khabar juga hendaklah sama bilangannya dengan muftada'.

Dalam contoh-contoh di atas juga, setiap Khabar Ayat Kerjaan hendaklah mengandungi Pengikat (الرَّابِطُ) iaitu ( هَا، هُمَا، هُمْ، هُنَّ ) sebagai penghubung sesuatu ayat dengan muftada' sebelumnya.

Huruf terakhir dalam perkataan muftada' hendaklah dibaca dengan keadaan al-Marfu' (Nominatif), iaitu dengan baris al-dhammah (الضَّمَّةُ) untuk bilangan tunggal dan bilangan ramai bagi perempuan, huruf al-alif (الأَلِفُ) untuk dual (الْمُثَنَّى) dan huruf al-wa:w (الْوَاوُ) untuk bilangan ramai bagi lelaki. Manakala Khabar Ayat Kerjaan pula *dianggap berada pada tempat al-Marfu'* (فِي مَحَلِّ) sebagaimana Khabar Mufrad.

c- **Kata nama/Frasa Subjek (الاسْمُ) + Frasa Predikat – Khabar al-Jumlat al-**

**Ismi:yyat (خَبَرُ الْجُمْلَةِ الاسْمِيَّةِ)/Khabar Ayat Namaan**

Dalam pembentukan ayat ini pula, Al-Khabar al-Jumlat al-Ismi:yyat (خَبَرُ الْجُمْلَةِ الاسْمِيَّةِ)/Khabar Ayat Namaan digunakan untuk menyatakan sesuatu fakta yang telah sabit dan

kekal secara berterusan. Khabar jenis ini juga mestilah mengandungi pengikat (الرَّبْطُ) yang menjadi penghubung sesuatu ayat dengan muftada' sebelumnya.

Contoh :

Muftada'	Khabar Ayat Namaan	Makna
الطَّالِبُ	قَلَمُهُ جَدِيدٌ	Pelajar lelaki itu <i>pen<sup>nya</sup></i> baharu
الطَّالِبَةُ	قَلَمُهَا جَدِيدٌ	Pelajar perempuan itu <i>pen<sup>nya</sup></i> baharu

Dalam contoh di atas, terdapat al-dhami:r atau gantinama ( هَا، هُ ) yang menjadi ikatan dan penghubung kepada muftada' ( الطَّالِبُ/ةُ ). Perkataan ( قَلَمٌ ) adalah muftada' kedua, manakala khabarnya adalah ( جَدِيدٌ ). Gandingan muftada' kedua dan khabarnya ini merupakan al-Jumlat al-Ismiyyat/Khabar Ayat Namaan yang dianggap berada pada tempat al-Marfu' ( فِي مَحَلِّ الرَّفْعِ ) bagi muftada' yang pertama iaitu ( الطَّالِبُ/ةُ ).

d- **Kata nama/Frasa Subjek ( الاسم ) + Frasa Predikat – al-Khabar Shibh al-Jumlat**

(الْجَرُّ وَالْمَجْرُورُ) [Frasa Genetif] / (الْخَبْرُ شِبْهُ الْجُمْلَةِ)

Al-Khabar Shibh al-Jumlat (خَبْرٌ شِبْهُ الْجُمْلَةِ)/Khabar Separa Ayat ialah ungkapan dalam bentuk frasa yang digunakan sebagai “fakta” dalam sesuatu Ayat Namaan. Salah satu frasa tersebut adalah berbentuk Frasa Genetif (الْجَرُّ وَالْمَجْرُورُ) .

Frasa Genetif adalah gabungan antara Partikel Jarr (حَرْفُ الْجَرِّ) dan juga kata nama (الْمَجْرُورُ) selepasnya.

Contoh :

Mubtada'	Khabar Anjung Ayat	Makna
الطَّالِبُ	فِي الْمَدْرَسَةِ	Pelajar itu <i>di sekolah</i>
الْكِتَابُ	عَلَى الْمَكْتَبِ	Buku itu <i>di atas meja</i>

Di dalam contoh di atas, ayat dimulai dengan kata nama (الْكِتَابُ/الطَّالِبُ) dan diikuti dengan khabarnya (عَلَى الْمَكْتَبِ/فِي الْمَدْرَسَةِ) yang terbina daripada partikel Jarr (حَرْفُ الْجَرِّ) dan

kata nama (المَجْرُورُ) untuk membentuk Frasa Genetif (الْجَرُّ وَالْمَجْرُورُ) yang berfungsi sebagai Khabar Anjung Ayat.

Kata nama (المَجْرُورُ) selepas partikel Jarr (حَرْفُ الْجَرِّ) hendaklah ditandakan dengan tanda bawah (الكَسْرَةُ).

**e- Kata Nama/Frasa Subjek (الاسْمُ) + Frasa Predikat - al-Khabar Shibh al-Jumlat**

(الْخَبْرُ شِبْهُ الْجُمْلَةِ)/ Khabar Separa Ayat – [Frasa Adverba Tempat dan Frasa

Adverba Masa (ظَرْفُ الْمَكَانِ وَظَرْفُ الزَّمَانِ)]

Struktur binaan Al-Khabar Shibh al-Jumlat (الْخَبْرُ شِبْهُ الْجُمْلَةِ)/Khabar Separa Ayat ini juga membentuk ungkapan berbentuk Frasa Adverba (الظَّرْفُ وَالْمَطْرُوفُ) yang terdiri daripada Adverb Masa (ظَرْفُ الزَّمَانِ) dan Adverb Tempat (ظَرْفُ الْمَكَانِ). Kedua-dua frasa ini digunakan sebagai “Fakta” dalam sesuatu Ayat Namaan.

Frasa Adverba ini adalah gabungan antara adverb (الظَّرْفُ) dan juga Kata Sandang (المُضَافُ إِلَيْهِ) selepasnya. Ia terbentuk dalam bentuk Adverba Masa (ظَرْفُ الزَّمَانِ) atau Adverba Tempat (ظَرْفُ الْمَكَانِ).

Contoh :

Mubtada'	Khabar Anjung Ayat	Makna
الطَّالِبُ	أَمَامَ الْمَدْرَسَةِ	Pelajar itu berada <i>depan sekolah</i>
الاجْتِمَاعُ	يَوْمَ الثَّلَاثَاءِ	Perhimpunan itu <i>hari Selasa</i>

Contoh di atas, al-Khabar Shibh al-Jumlat (الْخَبَرُ شِبْهُ الْجُمْلَةِ) dimulai dengan adverb tempat (ظَرْفُ الْمَكَانِ) dan adverb masa (ظَرْفُ الزَّمَانِ). Tanda baris pada kedua-dua jenis adverb ini adalah dengan baris atas (الْفَتْحَةُ) dan ia berkedudukan kekal (الْمَبْنِيُّ). Kata nama (الْكَسْرَةُ) selepas adverb (الظَّرْفُ) hendaklah ditandakan dengan tanda bawah (الْمَطْرُوفُ).

f- **Khabar Muqaddam (خَبَرٌ مُقَدَّمٌ)/Frasa Predikat + Mubtada' Muakhkhar (مُبْتَدَأٌ مُؤَخَّرٌ)/Frasa Subjek - (Pendepanan Khabar)**

Pada asal pembinaan al-Jumlat al-Ismiyyat (الْجُمْلَةُ الْاِسْمِيَّةُ) di dalam bahasa Arab, mubtada' hendaklah berada di awal ayat kemudian dilengkapi dengan khabar, sama ada

Khabar Tunggal (الْخَبْرُ الْمَفْرُودُ), Khabar Ayat Kerjaan (الْجُمْلَةُ الْفَعْلِيَّةُ), Khabar Ayat Namaan (الْخَبْرُ شِبْهُ الْجُمْلَةِ الْاِسْمِيَّةِ) ataupun Khabar Separa Ayat (الْخَبْرُ شِبْهُ الْجُمْلَةِ).

Di dalam pembinaan ayat bahasa Arab ini, berlaku perubahan kedudukan muftada' dan khabarnya, iaitu didepankan khabar dan dikemudiankan muftada'nya. Perubahan ini berlaku dalam dua keadaan iaitu harus dan juga wajib.

**a- Harus Mendepankan Khabar daripada Muftada'**

Terdapat syarat di dalam perubahan ini, iaitu :

- i- Khabar berbentuk shibh al-Jumlat (شِبْهُ الْجُمْلَةِ)/Khabar Separa Ayat dan Muftada'nya al-Ma'rifat (الْمَعْرِفَةُ).**

Contoh :

Al-Khabar Shibh al-Jumlat	Muftada'/Kata nama	Makna
فِي الْفَصْلِ	الطَّالِبُ	Di dalam kelas ada seorang pelajar lelaki

Contoh di atas, khabar (فِي الْفَصْلِ) terletak di hadapan, manakala muftada'nya

(الطَّالِبُ) pula terletak di akhir ayat. Pendepanan bentuk binaan seperti adalah harus, iaitu muftada' boleh diletakkan di hadapan semula sebagaimana kedudukan asalnya.

**ii -Apabila dipermulaannya itu memberi maksud khabar.**

Contoh :

Khabar al-Mufrad/Tunggal	Mubtada'/Kata nama	Makna
مَمْنُوعٌ	التَّذْهِيبُ	<i>Dilarang merokok</i>

Perkataan (مَمْنُوعٌ) menjadi khabar yang dikedepankan, manakala perkataan (التَّذْهِيبُ)

pula adalah mubtada' yang dikemudiankan dan makna kedudukan asalnya adalah (التَّذْهِيبُ)

(مَمْنُوعٌ) yang bermakna “merokok itu dilarang”.

**iii- Apabila mubtada' dan khabar itu didahului oleh partikel Nafi atau Tanya dan khabarnya pula terdiri daripada kata adjektif atau kata sifat.**

Contoh :

Khabar al-Mufrad/Tunggal	Mubtada'/Kata nama	Makna
أَفَاقِلُ	أَنْتَ ؟	Adakah kamu <i>berkata</i> ?
مَا قَائِلٌ	أَنْتَ	Kamu <i>tidak berkata</i>



Khabar di dalam contoh di atas (قَائِلٌ) adalah daripada kata adjektif atau sifat, manakala ganti nama (أَنْتَ) adalah muftada' yang dikemudian. Kedudukan ini boleh berubah kepada kedudukan asalnya iaitu seperti berikut (أَنْتَ/مَا أَنْتَ قَائِلٌ).

Maka dengan ini, kedudukan sesuatu khabar itu boleh dikehadapkan daripada muftada'nya berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan di atas. Kedudukan ini boleh kembali kepada kedudukan asalnya sebagaimana yang telah diterangkan.

**b- Wajib mendahulukan khabar daripada muftada'**

Pendepanan ini berlaku dengan bersyaratkan syarat-syarat berikut :

**i- Khabarnya shibh al-Jumlat (شِبْهُ الْجُمْلَةِ) / Khabar Separa Ayat dan Muftada'nya**

**adalah al-Nakirat (نَكِيرَةٌ)**

Contoh :

Khabar shibh al-Jumlat/ Anjung Ayat	Muftada'/Kata nama	Makna
فِي الْفَصْلِ	طَالِبٌ	Di dalam kelas <i>ada</i> <i>pelajar lelaki</i>

Muftada' dalam bahagian ini adalah berbeza dengan bahagian yang pertama. Dalam contoh di atas, muftada' (طَالِبٌ) adalah al-nakirat (النَّكِيرَةُ), manakala muftada' dalam bahagian

yang pertama (الطَّالِبُ) adalah al-ma'rifat (المَعْرِفَةُ). Maka dalam ayat ini, wajib didahulukan khabar daripada mubtada'.

**ii- Khabarnya terdiri daripada kata nama yang kebiasaannya terletak di depan ayat.**

Contoh :

Khabar	Mubtada'/Kata nama	Makna
مَتَى / أَيْنَ	اللقاء ؟	<i>Bila/Di mana perjumpaan itu?</i>

Dalam contoh di atas, kata nama Tanya (مَتَى / أَيْنَ) adalah khabar yang kebiasaannya

berkedudukan di awal ayat dan mubtada'nya diakhirkan (اللقاء). Maka dalam keadaan ini juga wajib dan perlu didahulukan khabarnya daripada mubtada'.

**iii- Apabila terdapat al-dhami:r (الضَّمِيرُ) iaitu ganti nama pada mubtada' dan ia merujuk kepada khabar.**

Contoh :

Khabar	Mubtada'/Kata nama	Makna
لِلنَّصْرِ	حَلَاوَتُهُ	<i>Bagi setiap kemenangan itu ada kemanisannya</i>

Khabar di dalam contoh di atas adalah gabungan antara partikel Jarr ( ل ) dan kata nama ( حَلَاوَةٌ ) dan muftada' tersebut juga gabungan antara kata nama ( الْمَجْرُورُ - النَّصْرُ ) dengan al-dhami:r al-muttasil ( الضَّمِيرُ الْمُتَّصِلُ - هـ ) iaitu Ganti Nama Bersambung. Maka kedudukan khabarnya ( لِلنَّصْرِ ) hendaklah diawalkan berbanding dengan muftada'nya ( حَلَاوَتُهُ ) kerana muftada' mengandungi kata Ganti Nama Bersambung ( هـ ) yang merujuk kepada khabar ( النَّصْرُ ).

**iv- Khabar dibataskan dengan partikel ( إِلَّا ) atau ( إِنَّمَا ).**

Contoh :

Khabar	Muftada'/Kata nama	Makna
مَا فِي الْفَصْلِ	إِلَّا الطَّالِبُ	Tidak ada di dalam kelas <b>melainkan</b> seorang pelajar lelaki
إِنَّمَا فِي الْفَصْلِ	الطَّالِبُ	Sesungguhnya di dalam kelas seorang pelajar lelaki

Kedudukan asal struktur binaan ayat di atas adalah mendahulukan muftada' dari khabarnya, iaitu ( الطَّالِبُ فِي الْفَصْلِ ). Akan tetapi, apabila al-Jumlat al-Ismiyyat/Ayat Namaan

tersebut dimasuki Partikel Batasan ( *إِنَّمَا / مَا...إِلَّا* ), maka khabarnya ( *فِي الْفَصْلِ* ) perlulah didahulukan daripada muftada' ( *الطَّالِبُ* ) sepertimana di dalam contoh di atas.

Berdasarkan syarat dan contoh di atas, maka kedudukan muftada' dan khabarnya sebenarnya boleh didahulukan dan juga diakhirkan daripada kedudukan asalnya.

### 4.3.3 Pengembangan Ayat Bahasa Arab

Pengembang ayat di dalam bahasa Arab ialah *frasa-frasa tambahan yang sering digunakan pada Rukun Ayat untuk menjelaskan lagi konteks sesuatu ayat*. Setiap bentuk pengembang ayat yang digunakan mempunyai sistem nahuannya yang khusus. Ia boleh berlaku pada mana-mana daripada Rukun Ayat.

*Pengembang Kata kerja* ialah apa-apa keterangan tambahan yang menjelaskan lagi keadaan sesuatu perbuatan yang berlaku. Bagi *Pengembang Pelaku* pula ialah ciri-ciri tambahan yang munasabah supaya ia menjadi lebih mudah dikenalpasti.

Manakala *Pengembang Muftada'* ialah frasa tambahan yang digunakan untuk menentukannya secara tepat. Bagi *Pengembang Khabar* pula ialah frasa tambahan yang dipakai untuk menjadikannya lebih khusus dan spesifik.

Antara unsur-unsur Pengembangan Ayat yang sering digunakan dalam bahasa Arab adalah seperti berikut :

**i- Al-Idha:fat ( الإِضَافَةُ )/Penyandangan**

Iaitu gabungan antara Kata Penyandang (المُضَافُ) dengan kata sandang ( المُضَافُ إِلَيْهِ )

selepasnya.

Contoh :

Ayat	Makna
جَاءَ + مُعَلِّمُ اللُّغَةِ إِلَى الْفَصْلِ	Telah datang + <i>guru bahasa</i> ke kelas

Di dalam contoh di atas, ayat tersebut didahului dengan Kata kerja (جَاءَ) dan

diikuti unsur Penyandangan ( مُعَلِّمُ اللُّغَةِ ) yang digunakan sebagai Pengembang Ayat.

**ii- Al-Tamyii:s ( التَّمْيِيزُ )/Kata Penjelas**

Ia adalah kata nama yang digunakan sebagai penjelas atau penerang kepada kekaburan yang terdapat dalam sesuatu ayat, sama ada pada perkataan atau ayat.

Contoh :

Ayat	Makna
عِنْدَنَا + عِشْرُونَ كِتَابًا	Pada kami + dua puluh buah <i>buku</i>

Perkataan (عَشْرُونَ) dikenali sebagai al-Mumayyiz (المُمَيِّزُ) dan (كِتَابًا) adalah al-

Tamyii:s iaitu Penjelas bagi perkataan sebelumnya.

Contoh :

Ayat	Makna
طَابَ + الطَّالِبُ خُلُقًا	Baik + <i>akhlak</i> pelajar itu

Gabungan kata kerja (طَابَ) dan kata nama (الطَّالِبُ) di atas dikenali sebagai al-Mumayyiz (المُمَيِّزُ), manakala (خُلُقًا) adalah al-Tamyii:s iaitu Penjelas Ayat yang sebelumnya.

### iii- Al-Ha:l (الحَالُ) /Kata Kondisi

Iaitu Kata Sifat atau Adjektif yang menerangkan tentang keadaan sesuatu atau seseorang ketika berlaku sesuatu perbuatan.

Contoh :

Ayat	Makna
حَضَرَ + مُحَمَّدٌ مُبْتَسِمًا	Muhammad hadir berkeadaan <i>tersenyum</i>

Perkataan (مُبْتَسِمًا) adalah Kata Sifat yang menerangkan hal keadaan (مُحَمَّدٌ) yang sebelumnya ketika berlaku perbuatan (حَضَرَ) tersebut.

vi- Al-Maf'u:l bihi ( الْمَفْعُولُ بِهِ )/Objek

Iaitu apa yang diperlukan oleh sesuatu Kata kerja Transitif (الْفِعْلُ الْمُتَعَدِّيُّ) untuk melengkapkan maknanya.

Contoh :

Ayat	Makna
نَصَرَ + الْعَنِي الْفَقِيرَ	Orang kaya itu menolong <i>orang fakir</i>

Objek (الْفَقِيرَ) adalah berfungsi sebagai pelengkap kepada Kata kerja Transitif (نَصَرَ) manakala kata nama (الْعَنِيُّ) adalah sebagai Pelaku atau pembuat. Sekiranya tidak disebut objek tersebut (الْفَقِيرَ), maka makna ayat tidak sempurna.

**iv- Al-Maf'ul al-Mutlaq ( الْمَفْعُولُ الْمُطْلَقُ )/Objek Penegas**

Iaitu Kata Dasar ( الْمَصْدَرُ ) yang digunakan sebagai penegas kepada kata kerja sebelumnya dan disebut di akhir ayat.

Contoh :

Ayat	Makna
ضَحِكٌ + التَّلْمِيذُ ضَحِكًا	Pelajar itu ketawa <i>sungguh-sungguh (ketawa)</i>

Kata Dasar ( ضَحِكًا ) merupakan penegas bagi Kata kerja ( ضَحِكٌ ) di dalam melaksanakan sesuatu perbuatan dengan bersungguh-sungguh manakala kata nama ( التَّلْمِيذُ ) adalah Pelaku perbuatan tersebut.

**v- Al-Maf'ul fi:hi ( الْمَفْعُولُ فِيهِ )/Objek Adverb**

Iaitu perkataan yang digunakan untuk menerangkan unsur Masa atau Tempat kepada Kata kerja sebelumnya.

Contoh :

Ayat	Makna
جَاءَنِي + رَجُلٌ أَمْسَ	Lelaki itu telah mendatangiku <i>semalam</i>



جَلَسَ + الرَّجُلُ عِنْدَ الْمُعَلِّمِ	Lelaki itu duduk bersebelahan guru
--	------------------------------------

Di dalam ayat di atas, perkataan (أَمْسِ) adalah adverb yang menunjukkan kepada unsur Masa, manakala adverb (عِنْدَ) pula menunjukkan unsur Tempat kepada Kata kerja (جَاءَ/جَلَسَ).

#### vi- Al-Na'tu ( النَّعْتُ )/Kata Sifat

Iaitu perkataan yang digunakan untuk menerangkan Ciri atau Unsur kepada sesuatu kata nama sebelumnya.

Contoh :

Ayat	Makna
تَقَدَّمَتْ + الشَّرِكَةُ الْجَدِيدَةُ	Syarikat yang baharu itu telah berkembang maju

Perkataan (الْجَدِيدَةُ) menerangkan ciri kepada kata nama (الشَّرِكَةُ) sebelumnya.

#### vii- Al-Badlu ( الْبَدْلُ )/Kata Penerang

Iaitu perkataan iringan yang menerangkan maksud sebenar kepada kata nama sebelumnya.

Contoh :

Ayat	Makna
انْكَسَرَ + الرَّجُلُ يَدُهُ	Lelaki itu telah patah <i>tangannya</i>

Perkataan (يَدُ) merupakan iringan kepada kata nama sebelumnya iaitu (الرَّجُلُ).

Kata Penerang ini terbahagi kepada tiga, iaitu Kata Penerang Sepenuhnya - al-

Muta:biq (المُطَابِقُ), Kata Penerang Sebahagian - Juz min al-kulli (حُزْءٌ مِّنَ الْكُلِّ) dan

Kata Penerang Merangkum - al-Isytima:l (الاشْتِمَالُ).

#### viii- Al-‘Atf (العطف)/Kata Sendi

Iaitu Kata Sendi yang menghubungkan perkataan sebelumnya dengan perkataan selepasnya.

Contoh :

Ayat	Makna
الْعِلْمُ + نُورٌ وَبَرَكَاتٌ	Ilmu itu cahaya <i>dan</i> keberkatan

Sendi Kata ( وَ ) merupakan penghubung di antara dua kata nama iaitu ( نُورٌ ) dan

( بَرَكَةٌ ). Ia bermaksud “dan” di dalam bahasa Melayu.

#### ix- Al-Mawsu:l ( الْمَوْصُولُ )/Ganti Nama Sambung

Iaitu Kata Sambung yang menghubungkan Ayat Keterangan selepasnya dengan kata nama yang sebelumnya.

Contoh :

Ayat	Makna
الْمُتَّفَوِّقُ + هُوَ الَّذِي ( يَجْتَهِدُ فِي الدَّرْسِ )	Orang yang cemerlang dialah <i>yang</i> bersungguh di dalam pelajaran

Kata Sambung ( الَّذِي ) di atas merupakan penyambung di antara Ayat Keterangan selepasnya ( يَجْتَهِدُ فِي الدَّرْسِ ) dengan kata nama sebelumnya iaitu ( هُوَ ).

x- Al-Jarr wa al-Majru:r (الجرُّ والمجرورُ)/Frasa Genetif

Iaitu Anjung Ayat yang terdiri daripada Partikel Jarr (حَرْفُ الْجَرِّ) dan kata nama selepasnya. Ia digunakan sebagai Frasa Pelengkap kepada kata nama sebelumnya.

Contoh :

Ayat	Makna
الْكِتَابُ + كَبِيرٌ فِي حَجْمِهِ	Orang Buku itu besar <i>pada saiznya</i>

Gabungan antara Partikel Jarr dan Kata nama (حَجْمِهِ) menjadikannya sebagai

Frasa Genetif yang berfungsi sebagai Frasa Pelengkap Kata nama (كَبِيرٌ).

xi- Al-Maf'u:l Li Ajlih (المفعول لِأجلِهِ)/Objek Sebab

Iaitu Kata Dasar yang digunakan sebagai Sebab kepada Kata kerja sebelumnya.

Contoh :

Ayat	Makna
قَامَ + الطُّلَّابُ احْتِرَامًا	Pelajar-pelajar itu berdiri ( <i>kerana</i> ) hormat

Perkataan (اِحْتِرَامًا) adalah Kata Dasar (المَصْدَرُ) yang berfungsi untuk menyatakan Sebab terhadap kata kerja sebelumnya (فَاعِلٌ). Kata Dasar tersebut adalah bagi menjawab soalan “kenapa?”.

Sebenarnya banyak lagi Pengembang Ayat yang ada di dalam bahasa Arab tidak dapat disertakan sekali di sini. Penambahan tersebut boleh dikaji dan diambil dari buku-buku tatabahasa Arab yang berkaitan dengan pengkajian struktur binaan ayat bahasa Arab.

#### **4.4 Kesimpulan**

Berdasarkan penjelasan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa bahasa Arab sebenarnya mempunyai struktur binaan ayatnya yang tersendiri daripada bahasa-bahasa lain di dunia yang sudah pastinya mempunyai keistimewaan masing-masing dalam pembinaan sesuatu ayat. Inilah yang akan dikaji seterusnya oleh penulis dalam menghasilkan satu kajian kontrasif bahasa Arab-Melayu.